



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**26 Oktober 2020  
9 Rabiulawal 1442H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
<b>Utusan Malaysia</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Bubu ketam sumber rezeki anak muda</li><li>• Suami isteri OKU cekal ternak ikan keli</li></ul>
<b>Berita Harian</b>	•
<b>Harian Metro</b>	•
<b>Kosmo !</b>	•
<b>Sinar Harian</b>	•
<b>The Star</b>	•
<b>New Straits Time</b>	•
<b>Nanyang Siang Pau</b>	•
<b>Malaysia Gazette</b>	•
<b>Harakah</b>	•
<b>Malaysia Dateline</b>	•
<b>Bernama</b>	•
<b>See Hua Daily News (Kuching)</b>	•
<b>Guan Ming Daily</b>	•
<b>Sin Chew Daily</b>	•

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		33 26/10/2020

# Suami isteri OKU cekal ternak ikan keli

Oleh NIK NUR IZZATUL HAZWANI

NIK ADNAN

utusannews@mediamulia.com.my

**KEMAMAN:** Berkerusi roda tetapi tidak menghalang pasangan suami isteri orang kelainan upaya (OKU) dari Bukit Mentok di sini untuk menjadikan penternakan ikan keli sebagai sumber rezeki mereka selepas kehilangan pendapatan berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac lalu.

Muhammad Firdhaus Hasan, 27, dan isterinya, Nurul Jannah Roh, 25, yang lumpuh separuh badan termasuk kedua-dua kaki cekal mengusahakan perniagaan secara kecil-kecilan itu hingga mampu menjual kira-kira 500 ikan keli sebulan bagi pasaran di sekitar daerah ini.

Menurut Muhammad Firdhaus, idea untuk menternak ikan keli dicetuskan seorang rakananya dan dengan modal RM500 mereka mula membeli 1,000 benih ikan.

"Sebelum ini, isteri saya mengusahakan perkhidmatan spa di rumah di samping kami bermiaga air secara kecil-kecilan di pantai pada hujung minggu tetapi kedua-duanya terpaksa dihentikan kerana PKP.

"Disebabkan tidak cukup duit untuk memulakan perniagaan ikan keli, isteri meminjamkan RM500 daripada wang hantaran perkahwinan kami yang disimpannya untuk membeli peralatan seperti tangki air, makanan dan anak benih ikan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Pasangan istimewa yang melangsungkan perkahwinan pada 2018 selepas berkenalan semasa melakukan rawatan fisioterapi di sebuah hospital ini turut mempunyai akaun YouTube, 'Jannatul-Firdhaus TV' yang memaparkan kisah mereka dalam melakukan



**MUHAMMED** Firdhaus Hasan dan isterinya, Nurul Jannah Roh menjadi penternak ikan keli secara kecil-kecilan selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac lalu untuk meneruskan kelangsungan hidup. - UTUSAN/NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN

aktiviti seharian bagi memberi motivasi kepada golongan OKU lain.

Menurut Muhammad Firdhaus, memandangkan perniagaan itu masih baharu jadi wang hasil jualan banyak dilaburkan untuk membeli benih ikan, bagaimanapun mereka tetap berpuas hati dengan untung bersih sebanyak RM200 yang diperoleh setiap bulan.

Katanya, penternakan ikan keli tidak semudah disangka kerana semasa seminggu pertama mengusahakannya sebanyak 700 daripada 1,000 benih ikan keli mati tetapi itu bukan alasan untuknya berputus asa.

"Awalnya agak sedih apabila

diduga sebegitu, namun saya cuba positifkan diri dengan mula mempelajari cara menternak ikan keli menerusi YouTube dan laman sosial Facebook.

"Selepas belajar ilmu yang betul, Alhamdulillah ternakan kami menjadi apabila ikan membesar dan dapat dijual pada harga RM10 untuk empat ekor bergantung kepada saiz," katanya.

Muhammad Firdaus yang hilang upaya akibat kemalangan jalan raya pada 2011 berkata, ikan keli baka Afrika ditemaknya itu mengambil masa selama tiga bulan untuk matang dan memerlukan penjagaan rapi bagi menjamin kualiti dan mengekalkan rasa enak ikan.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU				
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		31 26/10/2020



NAZARUL Fazli memasang bubu ketam bagi memenuhi masa lapang pada hujung minggu di tebing Sungai Kuantan, semalam. -UTUSAN/AJIE MUSTAFA

# Bubu ketam sumber rezeki anak muda

UM M/S 31

26/10/2020

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA  
shofi.isa@mediamulia.com.my

**KUANTAN:** Tiada istilah duduk saja.

Itu menjadi pegangan hidup anak muda, Nazarul Fazli, 31, apabila waktu lapang pun masanya dipenuhi dengan aktiviti berfaedah yang boleh menjana pendapatannya.

Menurut Nazarul, jika tidak ke laut, kebiasaannya pada hujung minggu dia akan ke tebing Sungai Kuantan menahan bubu menangkap ketam nipah.

"Biasanya kalau pergi ke laut, empat ke lima hari baharu balik, jadi bila ada masa lapang saya tahan bubu untuk tangkap ke-

tam nipah.

"Untuk mengumpam ketam nipah masuk dalam bubu, saya guna umpan ikan kecil, jika ikan besar saya potong ambil isinya," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di tebing Sungai Kuantan di sini.

Nazarul yang masih bujang berkata, dia sudah tiga tahun mencari ketam nipah di Sungai Kuantan.

"Jumlah tangkapan tidak menentu, paling banyak boleh dapat tujuh ke lapan kilogram membabitkan enam ke tujuh bubu yang ditahan."

"Ketam nipah ini memang ada peminatnya dan biasanya kepada peraih di pasar tani, pasar

malam dan pasar besar. Harga jualan antara RM35 ke RM100 bergantung pada saiz," katanya.

Jelasnya, jika ke laut dalam tempoh lima hari, dia akan memperoleh pendapatan kira-kira RM1,300 dan tentunya jumlah itu tidak dapat dibandingkan dengan hasil menahan bubu ketam.

"Menahan bubu ketam adalah minat saya, sekurang-kurangnya ia dapat mengisi waktu lapang saya dan menambah pendapatan."

"Ada masa kita tidak boleh ke laut sebab cuaca tidak menentu, apa yang penting saya ada pendapatan walaupun tidak setanding apabila turun ke laut," katanya.